



28 FEB, 2026

Pekerja pendawaian didenda RM30,000

Harian Metro, Malaysia



LIM mengaku bersalah membuat penyambungan haram elektrik di sebuah rumah di Tongkang Pechah, Batu Pahat.
 - Gambar NSTP/ALIAS ABD RANI

Pekerja pendawaian didenda RM30,000

Batu Pahat: “Berapa lama kamu buat kerja (curi elektrik) ini? Kesalahan kamu serius, jadi mahkamah terpaksa ambil berat kes ini,” kata Hakim Mahkamah Sesyen Osman Affendi Mohd Shalleh sebelum menjatuhkan hukuman denda RM30,000 terhadap seorang pekerja pendawaian, semalam.

Tertuduh, Lim Khim Wen, 37, dijatuhi hukuman itu selepas mengaku bersalah atas pertuduhan melakukan penyambungan haram elektrik untuk aktiviti perlombongan bitcoin di sebuah rumah di Tongkang Pechah di sini, Ogos tahun lalu.

Mahkamah juga memerintahkan tertuduh dipenjara 12 bulan jika gagal membayar denda dikenakan terhadapnya.

Mengikut pertuduhan, didakwa dengan curangnya menghalang meter elektrik milik Tenaga Nasional Berhad (TNB) daripada merekodkan dengan sempurna penggunaannya elektrik dengan cara membuat sambungan haram yang disambung pada bahagian terminal keluaran suis fius di panel meter dan di-

alirkan ke premis.

Kesalahan itu dilakukan di sebuah rumah di Jalan Putera Indah 2/4B, Taman Putera Indah di sini, 11 malam, 24 Ogos tahun lalu.

Oleh itu, tertuduh didakwa di bawah perenggan 37(3)(b) Akta Bekalan Elektrik 1990 (Akta 447) dan boleh dihukum di bawah subsubperenggan

37(3)(A)(i) Akta yang sama iaitu denda sehingga RM50,000 atau penjara tidak melebihi setahun atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.

Berdasarkan fakta kes, polis dengan bantuan pasukan penguatkuasaan TNB mendapat maklumat berhubung kegiatan itu sebelum membuat tangkapan.

Pemeriksaan awal mendapati, terdapat kejanggalan penggunaan elektrik dan pasukan TNB Selatan menyedari terdapat alat iaitu empat buah *insulation piercing connectors (IPC)* dan empat jalur wayar pada sambungan terbabit.

Peralatan itu digunakan untuk melakukan sambungan secara haram menerusi wayar perkhidmatan TNB ke dalam rumahnya tanpa melalui meter disedikan.